A

SERUAN GEMILANG MAKMUR SDN BHD

lwn.

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PAHANG

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
MARIANA YAHYA H
[USUL PEMULA NO: 25-10-2010]
31 DISEMBER 2013

C

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Semakan kehakiman - Perintah mandamus - Permohonan lanjutan masa untuk memfailkan kebenaran semakan kehakiman - Penguatkuasaan penghakiman kewangan terhadap kerajaan - Sama ada permohonan mamdamus dibuat di luar had masa - Sama ada lanjutan masa dibenarkan - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 53 k. 3(6)*

D

Pemohon telah memfailkan permohonan ini untuk lanjutan masa bagi memfailkan permohonan semakan kehakiman ('lampiran 2'). Pemohon telah memperolehi penghakiman terhadap Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur di Mahkamah Tinggi Kuantan supaya membuat bayaran sejumlah penghakiman ('penghakiman tersebut'). Pada 27 Ogos 2007, peguamcara pemohon telah menghantar sesalinan penghakiman tersebut kepada peguamcara responden untuk meminta bayaran ke atas penghakiman tersebut. Walau bagaimanapun, responden gagal berbuat demikian. Pada 7 Mac 2008, pemohon telah memperolehi perakuan di bawah s. 33 Akta Prosiding Kerajaan 1956 ('Akta 1956'). Perintah perakuan di bawah s. 33 Akta 1956 tersebut telah dihantar kepada peguam responden melalui surat bertarikh 7 April 2008 tetapi responden masih gagal membuat sebarang bayaran. Pada 20 April 2009, pemohon telah mendapatkan perintah *mandamus* terhadap Menteri Besar Pahang kerana gagal membuat bayaran. Perintah *mandamus* terhadap Menteri Besar Pahang telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan dan usul pemohon untuk kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan telah ditolak pada 5 Oktober 2010. Peguamcara pemohon menyatakan kelewatan memfailkan permohonan ini di bawah A. 53 k. 3(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') adalah disebabkan masa yang diambil oleh pemohon untuk mendapatkan perintah *mandamus* ke atas Menteri Besar Pahang sehingga keputusan Mahkamah Persekutuan pada 5 Oktober 2010. Pemohon berhujah bahawa hak asasi pemohon telah disekat dan mahkamah hendaklah bersikap liberal di dalam membenarkan permohonan semakan kehakiman apabila melibatkan penjejasan hak asasi pemohon. Pemohon telah merujuk kepada A. 53 k. 3(6) KMT mengenai kuasa mahkamah membenarkan lanjutan masa di peringkat pendengaran permohonan "kebenaran" untuk semakan kehakiman. Isu yang dibangkitkan

E

F

G

H

I

untuk pertimbangan mahkamah adalah pengiraan tempoh 40 hari menurut A. 53 k. 3(6) KMT iaitu: (i) sama ada pengiraan bermula dari tarikh pertama perintah *mandamus* pada 20 April 2009; atau (ii) pada 7 Mac 2008 iaitu tarikh perakuan di bawah s. 33 Akta 1956 diserahkan kepada responden; atau (iii) selepas Mahkamah Persekutuan membuat keputusannya pada 5 Oktober 2010.

Diputuskan (menolak lampiran 2 dengan kos):

(1) Mahkamah mempunyai budibicara untuk melanjutkan masa semakan kehakiman setelah mahkamah mempertimbangkan bahawa terdapatnya sebab baik untuk berbuat demikian. Afidavit pemohon hanya menyatakan satu alasan sahaja, iaitu, tempoh masa yang diambil untuk melupuskan permohonan untuk mendapatkan perintah *mandamus* terhadap Menteri Besar Pahang mengambil masa yang panjang. Mahkamah perlu membuat pertimbangan sama ada alasan tersebut merupakan alasan baik untuk membenarkan lanjutan masa. (perenggan 17)

(2) Walaupun tarikh 16 Julai 2008 diambilkira, iaitu, tarikh permohonan untuk perintah *mandamus* telah memasukkan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Pegawai Kewangan Negeri Pahang sebagai responden, ianya masih dibuat diluar tempoh masa. Permohonan untuk perintah *mandamus* tersebut ditarikbalik oleh pemohon pada 14 Oktober 2008. Pada 15 Oktober 2008, satu permohonan perintah *mandamus* berikutnya difailkan terhadap Menteri Besar Pahang untuk mematuhi perintah perakuan s. 33 Akta 1956 bertarikh 7 Mac 2008. Walaupun nama responden dijadikan pihak di dalam permohonan pemohon tersebut, ianya masih lagi difailkan diluar tempoh masa iaitu lebih kurang tujuh bulan tujuh hari. Dalam semua keadaan, permohonan pemohon telah difailkan diluar tempoh masa 40 hari menurut A. 53 k. 3(6) KMT 1980 atau pun di bawah A. 53 k. 3(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. (perenggan 19)

(3) Aturan 53 k. 3(6) KMT 1980 memperuntukkan tempoh 40 hari tersebut hendaklah dikira dari 'from the date when grounds of the application first arose or when the decision is first communicated to the applicant'. Tiada perkiraan lain patut diambilkira melainkan yang diperuntukkan oleh undang-undang. Oleh itu, tarikh keputusan mengenai perakuan di bawah s. 33 Akta 1956 telah dimaklumkan pertama kalinya kepada responden pada 7 April 2008 dan tarikh pertama kali permohonan *mandamus* dibuat pada 16 Julai 2008. Tarikh keputusan Mahkamah Persekutuan pada 5 Oktober 2010 bukanlah tarikh keputusan pertama kalinya diberitahu kepada responden ataupun tarikh permohonan pertama kali dibuat.

Mahkamah Rayuan telah pun membuat dapatannya mengenai bilakah tempoh 40 hari patut dikira dan mahkamah ini terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan berkenaan. (perenggan 20 & 22)

(4) Berdasarkan keputusan Mahkamah Rayuan, tarikh bermulanya kiraan 40 hari adalah pada 7 April 2008 dan bukannya pada 5 Oktober 2010. Pemohon telah melampaui tempoh masa sepertimana yang diperuntukkan di bawah A. 53 k. 3(6) KMT 1980. Walaupun nama responden di sini adalah pihak yang dinamakan di dalam permohonan *mandamus* pertama kalinya difailkan pada 16 Julai 2008, ianya masih di luar tempoh masa. Alasan pemohon bahawa kelewatan memfailkan permohonan *mandamus* adalah kerana menunggu sehingga rayuan didengar adalah tidak dapat diterima kerana pada asalnya lagi pemohon telah bertindak di luar tempoh masa. Alasan yang diberikan tidak dapat diterima sebagai satu alasan yang baik untuk dipertimbangkan dan keputusan Mahkamah Rayuan menamatkan semua persoalan mengenai tarikh perkiraan 40 hari yang dipertikaikan. Mahkamah ini menolak permohonan untuk kebenaran. (perenggan 23)

Kes-kes yang dirujuk:

John Peter Berthelsen v. Director-General of Immigration Malaysia & Ors [1986] 2 CLJ 409; [1986] CLJ (Rep) 160 SC ***(dirujuk)***

Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Sdn Bhd [2010] 5 CLJ 123 CA ***(dirujuk)***

Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v. The Minister of Labour & Manpower & Anor [1983] 2 CLJ 7; [1983] CLJ (Rep) 266 FC ***(dirujuk)***

Minister of Finance, Government of Sabah v. Petrojasa Sdn Bhd [2008] 5 CLJ 321 FC ***(dirujuk)***

Ramachandran Shankar Deodhar v. The State of Maharashtra [1974] AIR 259 ***(dirujuk)***

Ravindran P Muthukrishnan v. Malaysian Examinations Council [1984] 1 CLJ 232; [1984] 1 CLJ (Rep) 320 FC ***(dirujuk)***

Sabah Berjaya Sdn Bhd v. Director General Of Inland Revenue Department & Anor [1996] 1 LNS 93 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Federal Constitution, art. 13(1)
Government Proceedings Act 1956, s. 33(3)
Rules of Court 2012, O. 53 rr. 3(6), 7(3)
Rules of the High Court 1980, O. 53 r. 3(6)

Bagi pihak pemohon - Rajoo D Moothy; T/n Peter Lai, Rajoo & Aiza
Bagi pihak responden - Muhammad Shafee Abdullah; T/n Shafee & Co (S Sivaneindiren, Joycelyn Teoh & Mat Za'arai Alias bersamanya)

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Mariana Yahya H:

Latar Belakang Kes

[1] Pemohon di sini menfailkan semakan kehakiman ini untuk mendapatkan relif-relif seperti berikut:

(i) Pemohon diberikan lanjutan masa bagi membuat permohonan semakan kehakiman ini;

(ii) Pemohon diberi kebenaran untuk memohon suatu perintah *mandamus* terhadap Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Pahang Darul Makmur supaya membuat bayaran sejumlah penghakiman seperti disahkan di dalam perakuan untuk amaun penghakiman terhadap kerajaan bertarikh 3 Julai 2008 dalam Guaman Sivil No: 21-9-2002 di Mahkamah Tinggi Kuantan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perintah *mandamus* dibenarkan; dan

(iii) Responden membayar kos permohonan ini.

[2] Permohonan ini telah difailkan pada 20 November 2010 dan didengar secara *ex parte* pada 23 November 2010. Peguam responden melalui surat bertarikh 17 November 2010 telah memfailkan permohonan (lampiran 11) untuk mengenepikan perintah *ex parte* bertarikh 23 November 2010. Permohonan lampiran 11 tidak diteruskan pendengaran kerana terdapatnya satu kes lagi yang sama masih di peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan yang mana keputusan di dalam kes tersebut akan memberi kesan kepada semakan kehakiman di sini dan juga merayu terhadap keputusan mahkamah ini bertarikh 23 Oktober 2010. Mahkamah Rayuan telah mendengar rayuan perayu dan memutuskan pendengaran semakan kehakiman di peringkat 'Kebenaran' hendaklah didengar secara *inter partes*. Berdasarkan keputusan tersebut maka lampiran 11 menjadi akademik dan lampiran 2 mengenai semakan kehakiman didengar seterusnya secara *inter partes*.

[3] Pemohon di dalam afidavitnya menyatakan pada 25 Mei 2007 pemohon telah memperolehi penghakiman terhadap Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur di dalam tindakan 21 September 2001. Pada 27 Ogos 2007 peguamcara pemohon telah menghantar sesalinan penghakiman tersebut kepada peguamcara defendan-defendan di dalam tindakan 21 September 2001 untuk meminta bayaran ke atas penghakiman tersebut dibuat oleh defendan-defendan tetapi defendan-defendan gagal berbuat demikian. Pada 7 Mac 2008 pemohon telah memperoleh perakuan di bawah s. 33 Akta Prosiding Kerajaan 1956 tanpa bantahan peguam defendan-defendan. Perintah perakuan di bawah s. 33 tersebut telah dihantar kepada peguam defendan-defendan melalui surat bertarikh 7 April 2008. Namun begitu defendan-defendan masih

gagal membuat sebarang bayaran. Pemohon telah merujuk kepada s. 33(3) Akta Prosiding Kerajaan 1956 bahawa defendan pertama iaitu Kerajaan Negeri Pahang wajib membuat bayaran setelah perakuan diserahkan. Tiada perintah penggantungan difailkan atau diperolehi oleh peguam defendan-defendan.

[4] Pemohon pada 20 April 2009 telah mendapatkan perintah *mandamus* terhadap Menteri Besar Pahang kerana gagal membuat bayaran. Perintah *mandamus* terhadap Menteri Besar Pahang telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan dan usul pemohon untuk kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan telah ditolak pada 5 Oktober 2010. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa responden selaku pegawai kewangan negeri adalah pihak yang sesuai untuk dijadikan responden bagi tujuan mendapatkan bayaran daripada Kerajaan Negeri Pahang. Peguamcara pemohon menyatakan kelewatan memfailkan permohonan ini di bawah A. 53 k. 3(6) adalah disebabkan masa yang diambil oleh pemohon untuk mendapatkan perintah *mandamus* ke atas Menteri Besar Pahang sehinggalah keputusan Mahkamah Persekutuan pada 5 Oktober 2010 yang menolak usul pemohon dengan keputusan majoriti. Kegagalan mahkamah ini membenarkan lanjutan masa di dalam permohonan ini akan menjadikan penghakiman di dalam kes 21 September 2002 menjadi sia-sia belaka.

[5] Pihak-pihak berhujah mengenai isu bilakah sepatutnya tempoh 40 hari dikira menurut A. 53 k. 3(6). Saya telah meminta pihak-pihak berhujah mengenai bilakan tempoh masa 40 hari diambilkira iaitu soalan-soalan seperti berikut:

(i) Adakah dari tarikh pertama perintah *mandamus* pada 20 April 2009; atau

(ii) Pada 7 Mac 2008 iaitu tarikh perakuan di bawah s. 33 diserahkan kepada responden; dan/atau

(iii) Selepas Mahkamah Persekutuan membuat keputusannya pada 5 Oktober 2010.

Hujahan Peguamcara Pemohon

[6] Pemohon dengan menggunapakai prinsip pembayaran di bawah s. 33 Akta Prosiding Kerajaan 1956 di dalam keputusan kes *Minister of Finance, Government of Sabah v. Petrojasa Sdn Bhd* [2008] 5 CLJ 321 FC, yang telah memutuskan bahawa apabila sijil atau perakuan di bawah s. 33 Akta Prosiding Kerajaan 1956 telah dikeluarkan terhadap pihak berkuasa negeri iaitu Kerajaan Negeri Pahang di sini, maka perakuan tersebut hendaklah dipatuhi. Kegagalan mematuhinya memberi hak kepada pihak yang berjaya mendapatkan perakuan tersebut mendapatkan perintah *mandamus* terhadap orang atau pegawai yang bertanggungjawab

ke atas negeri tersebut. Peguamcara pemohon juga telah merujuk kepada keputusan kes *John Peter Berthelsen v. Director-General of Immigration Malaysia & Ors* [1986] 2 CLJ 409; [1986] CLJ (Rep) 160 yang memutuskan "kebenaran" hendaklah diberikan oleh mahkamah bawahan kerana terdapatnya perkara-perkara yang dibawa oleh perayu bukanlah tidak bermerit yang mana boleh dihujahkan di peringkat substantif untuk perintah *certiorari* tersebut.

[7] Peguamcara pemohon telah merujuk kepada A. 53 k. 3(6) mengenai kuasa mahkamah membenarkan lanjutan masa di peringkat pendengaran permohonan "kebenaran" untuk semakan kehakiman. Aturan 53 k. 3(6) membolehkan mahkamah melanjutkan tempoh 40 hari tersebut. Di dalam A. 53 k. 7(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 memberikan tambahan masa dari 40 hari kepada tiga bulan. Pemohon menyatakan pemohon tidak menyorokkan sebarang fakta di mahkamah ini semasa membuat permohonan "Kebenaran" semakan kehakiman pada 23 November 2010. Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan pihak yang sepatutnya diambil tindakan dan kelewatan memutuskan perkara tersebut bukanlah suatu kelewatan yang disengajakan oleh pemohon di sini dan pemohon tidak wajar dipersalahkan atas kelewatan tersebut. Peguamcara pemohon telah merujuk kepada keputusan kes *Sabah Berjaya Sdn Bhd v. Director General Of Inland Revenue Department & Anor* [1996] 1 LNS 93; [1996] 5 MLJ 366 yang mana lanjutan masa telah dibenarkan oleh mahkamah meskipun permohonan dibuat selepas tujuh tahun. Peguamcara pemohon berhujah bahawa hak asasi pemohon telah disekat di dalam kes ini dan mahkamah hendaklah bersikap liberal di dalam membenarkan semakan kehakiman apabila melibatkan penjejasan hak asasi pemohon. Bagi menyokong hujahan pemohon ini kes *Ramachandran Shankar Deodhar v. The State of Maharashtra* [1974] AIR SC 259 telah dirujuk di mana mahkamah memutuskan:

> ... is one of discretion for this Court to follow from case to case. There is no lower limit and there is no upper limit ... It will depend on what breach of the Fundamental Right and the remedy claimed are and how the delay arose.

[8] Peguamcara pemohon berpendapat tempoh 40 hari hendaklah dikira dari tarikh Mahkamah Persekutuan rnembuat keputusan akhirnya sama ada pemohon adalah betul atau salah iaitu pada 5 Oktober 2010 dan berpendapat pemohon telah memfailkan permohonan semakan kehakiman ini dalam tempoh masa.

Hujahan Peguamcara Responden

[9] Peguam responden berhujah bahawa pemohon tidak mendedahkan fakta sebenar mengenai kes ini di dalam permohonan semakan kehakiman mereka untuk lanjutan masa. Responden menzahirkan fakta sebenar adalah seperti berikut:

(i) Pada 16 Julai 2008 pemohon di dalam permohonan untuk perintah *mandamus* telah memasukkan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Pegawai Kewangan Negeri Pahang sebagai defendan-defendan. Pemohon juga memfailkan permohonan untuk meminda permohonan dengan memasukkan Menteri Besar Pahang sebagai pihak dalam tindakan. Pada 14 Oktober 2008 pemohon menarikbalik permohonan pertama mereka. Permohonan pertama ini telah difailkan di luar tempoh masa.

(ii) Pada 15 Oktober 2008 permohonan untuk perintah *mandamus* difailkan terhadap Menteri Besar Pahang bersama-sama pernyataan di bawah A. 53. Pada 20 April 2009 Mahkamah Tinggi Kuantan mengeluarkan perintah *mandamus* terhadap Menteri Besar Pahang untuk membuat bayaran menurut perakuan bertarikh 7 March 2008 dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah. Pada 22 April 2009 satu rayuan difailkan oleh Menteri Besar Pahang terhadap keputusan bertarikh 20 April 2009. Pada 9 Oktober 2009 Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan Menteri Besar Pahang dan juga memutuskan permohonan yang difailkan adalah di luar tempoh masa. Masa sepatutnya dikira bermula dari 7 April 2008.

(iii) Pada 5 November 2009 pemohon memfailkan permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan. Pada 5 Oktober 2010 Mahkamah Persekutuan menolak permohonan kebenaran merayu pemohon. Pada 20 Oktober 2010 pemohon memfailkan permohonan semakan kehakiman di mahkamah ini.

(iv) Pemohon di dalam permohonan semakan kehakiman untuk perintah *mandamus* di mahkamah ini telah memfailkan perakuan di bawah s. 33 yang sama sebagaimana yang diserahkan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang pada 7 April 2008. Pemohon telah lewat lebih kurang hampir dua tahun setengah di dalam memfailkan permohonan ini terhadap responden.

[10] Responden selanjutnya berhujah bahawa pemohon memohon permohonan lanjutan masa di dalam permohonan di sini kerana permohonan untuk perintah *mandamus* terhadap Menteri Besar Pahang telah ditolak di Mahkamah Rayuan dan juga di Mahkamah Persekutuan. Kelewatan menunggu keputusan kes terhadap Menteri Besar Pahang di Mahkamah Rayuan dan juga Mahkamah Persekutuan rnenyebabkan pemohon terpaksa memfailkan permohonan di Mahkamah ini. Selain dari alasan yang diberikan oleh pemohon ini, tiada alasan lain diberikan di dalam permohonan lanjutan masa mereka.

[11] Mahkamah Rayuan di dalam penghakimannya di dalam kes *Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Sdn Bhd* [2010] 5 CLJ 123 CA juga telah menyatakan sekalipun permohonan pertama kalinya dibuat dengan menamakan pihak yang betul iaitu Menteri

Besar Pahang, pemohon sememangnya telah melampaui had masa 40 hari. Kelewatan di dalam memfailkan permohonan di sini tidak dijelaskan oleh pemohon yang mana ianya telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan. Responden berhujah mahkamah ini adalah terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan tersebut. Prinsip *res judicata* terpakai di sini apabila pemohon membuat permohonan yang sama yang mana permohonan asalnya telah pun melewati tempoh masa. Pemohon bukan saja tidak memfailkan lanjutan masa dan pindaan untuk permohonan semakan kehakimannya terhadap Menteri Besar Pahang tetapi juga telah menarik balik permohonan semakan kehakiman terhadap Pegawai Kewangan Negeri Pahang di dalam permohonan tersebut.

[12] Responden merujuk kepada keputusan kes *Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v. The Minister of Labour & Manpower & Anor* [1983] 2 CLJ 7; [1983] CLJ (Rep) 266; [1983] 2 MLJ 54 yang mana Mahkamah Persekutuan memutuskan mahkamah tiada bidangkuasa untuk melayan permohonan semakan kehakiman yang dibuat di luar tempoh masa. Apabila mahkamah memutuskan enggan menerima alasan kelewatan, maka mahkamah tiada bidangkuasa untuk mendengar permohonan kebenaran untuk semakan kehakiman dan sama ada permohonan mempunyai merit atau tidak bukan lagi menjadi relevan (lihat keputusan kes Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ravindran P Muthukrishnan v. Malaysian Examinations Council* [1984] 1 CLJ 232; [1984] 1 CLJ (Rep) 320; [1984] 1 MLJ 168.

[13] Fakta adalah jelas bahawa tiada penjelasan diberikan mengenai kelewatan dari tarikh 17 Mei 2008 iaitu tarikh tamat tempoh 40 hari sehingga 15 Oktober 2008 iaitu tarikh semakan kehakiman difailkan terhadap Menteri Besar Pahang. Pemohon telah pertama kalinya memfailkan permohonan untuk *mandamus* pada 16 Julai 2008 (telah pun luput masa) menamakan Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang sebagai pihak dalam permohonan dan juga memohon untuk memasukkan Menteri Besar Pahang sebagai pihak dalam prosiding. Tiada penjelasan diberikan terhadap penarikan batik permohonan tersebut. Pemohon tidak menyatakan langsung mengenai permohonan *mandamus* yang pertama kali dibuatnya di dalam permohonan semakan kehakiman di mahkamah ini. Pemohon yang memohon lanjutan masa di sini telah datang dengan tangan yang tidak bersih.

[14] Pemohon menyatakan hak beliau tidak patut dihalang dengan penghakiman yang telah diperolehi dan telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan. Responden berhujah bahawa defendan-defendan di dalam kes 21 September 2002 juga telah mengalami nasib yang sama apabila hak yang sepatutnya diberikan telah dihalang kerana gagal mematuhi peraturan undang-undang dalam permohonan lanjutan masa, responden menyatakan defendan-defendan di dalam kes tersebut telah memfailkan

A rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes 21-9-2002 dan oleh kerana pemohon membantah akan kesilapan nombor kes di dalam notis rayuan yang difailkan defendan-defendan di dalam kes tersebut, defendan-defendan di dalam kes tersebut telah memfailkan permohonan untuk meminda nombor kes di dalam notis rayuan dan Mahkamah
B Tinggi telah menolak permohonan defendan-defendan di dalam kes tersebut atas alasan nombor kes di dalam notis rayuan tidak betul dan defendan-defendan di dalam kes tersebut juga gagal memfailkan rekod rayuan dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994.

C **[15]** Pemohon kemudiannya pada 11 September 2007 memfailkan permohonan usul untuk membatalkan rayuan defendan-defendan di dalam kes tersebut. Pada 1 Oktober 2007 defendan-defendan di dalam kes tersebut memfailkan permohonan di Mahkamah Rayuan untuk meminda notis rayuan untuk memasukkan nombor kes yang betul di dalam notis
D rayuan dan memohon lanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan. Pada 13 Februari 2008 Mahkamah Rayuan telah membenarkan permohonan meminda notis rayuan tetapi menolak permohonan defendan-defendan di dalam kes tersebut untuk lanjutan masa memfailkan rekod rayuan kerana ianya dibuat di luar tempoh masa. Pada 12 Mac 2008
E Mahkamah Persekutuan juga telah menolak usul defendan-defendan di dalam kes tersebut untuk kebenaran merayu. Dalam huraian fakta kes tersebut, pemohon di sini juga sepatutnya dihalang dari menuntut haknya apabila pemohon gagal mematuhi peruntukan undang-undang mengenai penguatkuasaan penghakiman tersebut. Pemohon telah datang ke
F mahkamah ini dengan keadaan tangan yang tidak bersih dan wajarnya permohonan mereka mengenai lanjutan masa dan kebenaran untuk semakan kehakiman ditolak dengan kos.

Keputusan Mahkamah

G **[16]** Saya merujuk kepada A. 53 k. 3(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang dirujuk sebagai tajuk semakan kehakiman pemohon di A. 53 k. 3(6):

> An application for judicial review shall be made promptly and in any event within 40 days from the date when grounds of the application
H first arose or when the decision is first communicated to the applicant provided that **the Court may upon an application, and if it considers that there is good reason for doing so, extend the period of 40 days**. (emphasis added)

I **[17]** Mahkamah mempunyai budi bicara untuk melanjutkan masa semakan kehakiman dibuat setelah mahkamah mempertimbangkan bahawa ada sebab baik untuk berbuat demikian. Afidavit pemohon di perenggan 16 hanya menyatakan satu alasan sahaja mengenai kelewatan berlaku di dalam memfailkan permohonan semakan kehakiman di sini iaitu tempoh

masa yang diambil untuk melupuskan permohonan untuk mendapatkan perintah *mandamus* terhadap Menteri Besar Pahang mengambil masa yang panjang sehinggalah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan pada 5 Oktober 2010. Mahkamah perlu menimbang sama ada alasan tersebut merupakan alasan baik untuk membenarkan lanjutan masa. Pemohon di dalam perenggan 15 afidavit jawapan Lee Loh Suong diikrar pada 23 Disember 2013 menegaskan kepada mahkamah ini bahawa penghakiman Mahkamah Tinggi di dalam kes 21-9-2002 adalah suatu "proprietary right" dan sekiranya semakan kehakiman tidak dibenarkan maka ianya akan melucutkan hak pemohon di bawah Fasal 13(1) Perlembagaan Persekutuan.

[18] Saya merujuk kepada eksh. "LS2" afidavit Lee Sin diikrar pada 20 Oktober 2010 iaitu perintah bagi perakuan di bawah s. 33 Akta Prosiding Kerajaan 1956 yang dikeluarkan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang Darul Makmur adalah bertarikh 7 Mac 2008. Perintah bertarikh 7 Mac 2008 tersebut telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang Darul Makmur pada 7 April 2008. Permohonan semakan kehakiman di sini difailkan pada 20 Oktober 2010. Terdapat kelewatan lebih kurang dua tahun enam bulan dan ianya tidak mematuhi kehendak A. 53 k. 3(6) iaitu perlu difailkan dalam tempoh 40 hari dari tarikh keputusan diberitahu kepada responden.

[19] Jika sekalipun tarikh pada 16 Julai 2008 diambilkira iaitu tarikh permohonan untuk perintah *mandamus* telah memasukkan setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Pegawai Kewangan Negeri Pahang sebagai defendan-defendan, ianya masih dibuat di luar tempoh masa. Permohonan untuk perintah *mandamus* tersebut ditarikbalik oleh pemohon pada 14 Oktober 2008. Pada 15 Oktober 2008 satu permohonan perintah *mandamus* berikutnya difailkan terhadap Menteri Besar Pahang untuk mematuhi perintah perakuan s. 33 bertarikh 7 Mac 2008. Jika sekalipun nama responden dijadikan pihak di dalam permohonan pemohon tersebut, masih lagi ianya difailkan diluar tempoh masa iaitu lebih kurang tujuh bulan tujuh hari. Dalam semua keadaan permohonan pemohon sememangnya difailkan di luar tempoh masa 40 hari menurut A. 53 k. 3(6) KMT 1980 ataupun di bawah A. 53 k. 3(6) KMM 2012.

[20] Pemohon telah menjadikan alasan kepada kelewatan memfailkan permohonan di mahkamah ini adalah kerana keputusan Mahkamah Persekutuan mengenai permohonan *mandamus* terhadap Menteri Besar Pahang hanya diputuskan pada 5 Oktober 2010. Oleh yang demikian tarikh 40 hari sepatutnya dikira pada 5 Oktober 2010. Saya tidak bersetuju dengan hujahan peguamcara pemohon kerana A. 53 k. 3(6) KMT 1980 telah dengan jelasnya menyatakan tempoh 40 hari tersebut hendaklah dikira dari "from the date when grounds of the application first arose or when the decision is first communicated to the applicant".

Tiada perkiraan lain patut diambilkira melainkan yang diperuntukkan undang-undang. Dalam hal ini tarikh keputusan mengenai perakuan di bawah s. 33 telah dimaklumkan pertama kalinya kepada defendan-defendan di dalam kes 21-9-2002 adalah pada 7 April 2008 dan tarikh pertama kali permohonan *mandamus* dibuat pada 16 Julai 2008. Tarikh keputusan Mahkamah Persekutuan pada 5 Oktober 2010 bukanlah tarikh keputusan pertama kalinya diberitahu kepada responden ataupun tarikh permohonan pertama kali dibuat.

[21] Penghakiman oleh Jeffrey Tan HMR di dalam kes *Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Sdn Bhd* [2010] 5 CLJ 123 di ms. 125 perenggan 2 menjawab persoalan bilakah tarikh bermulanya 40 hari patut dikira adalah dinyatakan seperti berikut:

> (2) ... Given that there was no direction that payment was suspended, the duty to pay arose upon service of the s. 33 certificate, literally upon presentation thereof. On the facts, the grounds for the application first arose on 7 April 2008, when service of the s. 33 certificate was not met with payment. Filed more than six months later on 15 October 2010 without any extension of the said 40 days, the application for judicial review was way out of time. There was a patent failure to comply with the rules of court, and the order of *mandamus* should have been there and then refused.

[22] Mahkamah Rayuan telahpun membuat dapatannya mengenai bilakah tempoh 40 hari patut dikira dan saya berpendapat mahkamah ini terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan berkenaan.

Kesimpulan

[23] Berdasarkan kepada keputusan Mahkamah Rayuan tersebut saya berpendapat tarikh bermulanya kiraan 40 hari adalah pada 7 April 2008 dan bukannya pada 5 Oktober 2010. Pemohon sememangnya telah melampaui tempoh masa sepertimana yang diperuntukkan di bawah A. 53 k. 3(6) KMT 1980 dan sekalipun nama responden di sini adalah pihak yang dinamakan di dalam permohonan *mandamus* pertama kalinya difailkan pada 16 Julai 2008, ianya masih di luar tempoh masa. Alasan pemohon bahawa kelewatan memfailkan permohonan *mandamus* adalah kerana menunggu sehingga rayuan didengar adalah tidak dapat diterima kerana pada asalnya lagi pemohon telah bertindak di luar tempoh masa. Alasan yang diberikan tidak dapat diterima oleh mahkamah ini sebagai satu alasan yang baik untuk dipertimbangkan dan keputusan Mahkamah Rayuan menamatkan semua persoalan mengenai tarikh perkiraan 40 hari yang dipertikaikan. Mahkamah ini menolak permohonan untuk kebenaran semakan kehakiman lampiran 2 dengan kos RM8,000 dibayar kepada responden oleh pemohon.